

KAJIAN SEMANTIK DAN MU'JAM 'ARABIY

MUHAMMAD MARWAN ISMAIL
WAN MOHARANI BIN MOHAMMAD



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

KAJIAN SEMANTIK DAN MU^ʿJAM^ʿ ARABIY

KAJIAN SEMANTIK DAN MU^CJAM^C ARABIY

**MUHAMMAD MARWAN ISMAIL
WAN MOHARANI BIN MOHAMMAD**

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

2009

Cetakan Pertama 2009

© Hak cipta terpelihara Universiti Sains Islam Malaysia 2009

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : 06-798 8226 / Faks : 06-798 6050

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
Cetak Ratu Sdn. Bhd.
No. 12, Jalan Permatang 8,
Taman Desa Jaya,
81100 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhammad Marwan Ismail
Kajian Semantik dan Muʿjam ʿArabiyy / oleh: Muhammad Marwan Ismail,
Wan Moharni bin Mohammad.
Mengandungi Indeks
Bibliografi: ms. 187-193
ISBN 978-983-5295-09-6

I. Arabic language-Dictionaries
I. Wan Moharani Mohammad
492.703

2. Arabic language-Semantics
II. Judul

DEDIKASI PENULIS

Usaha yang tidak seberapa ini dihadiahkan kepada kedua-dua ibu bapa tercinta Ismail Bin Md. Saman dan Wan Sofiah Bt. Wan Mohd. Noor, Mohammad bin Abdul Rahman dan Raja Nur Ain Raja Shah Malek, seluruh ahli keluarga serta rakan-rakan yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam menghasilkan buku ini. Buku ini juga ditujukan kepada semua pencinta bahasa Arab dan para pendokong ilmu-ilmunya. Semoga usaha ini akan mendapat ganjaran dari Allah SWT dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan dan memberi sumbangan berharga kepada agama, bangsa dan negara.

KANDUNGAN

<i>Tajuk</i>	<i>Halaman</i>
DEDIKASI PENULIS	i
PRAKATA	iii
PENGHARGAAN	iv
PENDAHULUAN	vii
BAB SATU: PENGENALAN	1 -14
Bahasa Arab	1
Bahasa Arab dan Cabang Ilmunya.	4
Semantik dan Linguistik.	6
Bidang Kajian Ilmu Semantik	9
Hubungan Kajian Semantik dengan Linguistik	12
BAB DUA: KAJIAN SEMANTIK DAN BAHASA ARAB	15 - 36
Sejarah Perkembangan Kajian Semantik	15
Kajian Semantik pada Zaman Moden	17
Teori Utama dalam Kajian Semantik	19
Kajian Semantik Bahasa Arab	26
Perkembangan Kajian Semantik Bahasa Arab	28
Teori Makna Ilmuwan Bahasa Arab dan Semantik Moden	30
Linguistik dan Penghasilan Kamus	34
BAB TIGA : PERMULAAN PERKAMUSAN BAHASA ARAB	37 - 71
Pendahuluan	37
Takrif al-Mu'jam	38
Jenis-jenis Kamus	40
Permulaan Gerakan Perkamusan Bahasa Arab	44
Huruf-huruf Bahasa Arab	50
Usaha Awal Perkamusan Bahasa Arab	53
BAB EMPAT: PERKEMBANGAN PERKAMUSAN BAHASA ARAB	73 - 122
Pendahuluan	73
Mazhab Perkamusan Selepas Mazhab al-Khalil	74
Mazhab Alifbaiyy dengan Kitaran	74
Mazhab Huruf Akhir (<i>al-Qafiyah</i>)	86
Mazhab <i>Alifbaiyy</i>	98
Kamus Moden dan Sistem <i>Alifbaiyy</i>	105

Kamus Pusat Bahasa Arab	111
Mazhab Sebutan Perkataan	115
Mazhab Susunan Klasifikasi Topik	118
Penambahbaikan Kamus-kamus Bahasa Arab	120

BAB LIMA: PENGGUNAAN KAMUS BAHASA ARAB **123 - 142**
DALAM PEMBELAJARAN BAHASA

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia	123
Faedah Penggunaan Kamus	126
Permasalahan Pelajar dalam Menggunakan Kamus Bahasa Arab	129
Cadangan Mengatasi Masalah Penggunaan Kamus	132
Proses Berkesan Penggunaan Kamus dalam Pembacaan	136

BAB ENAM : PENUTUP **143 - 149**

BIBLIOGRAFI **151 - 155**

LAMPIRAN **157 - 176**

Lampiran A	157
Lampiran B	173

INDEKS **177 - 184**

Indeks Topik	177
Indeks Nama	181

PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Segala puji-pujian dipanjatkan kepada Allah SWT, tuhan yang menciptakan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan sesiapa sahaja yang mengikut tunjuk ajar baginda ke hari akhirat.

Buku “Kajian Semantik dan Mu‘jam ‘Arabiy” merupakan satu usaha yang bertujuan untuk memapar dan mengulas persoalan-persoalan berkaitan kajian makna dalam bahasa Arab. Kajian-kajian ini telah bermula hampir 1500 tahun dahulu. Ia meliputi kajian-kajian makna secara teori dan kajian-kajian makna secara aplikasi menerusi penghasilan pelbagai jenis kamus bahasa Arab. Usaha-usaha para ilmuwan yang tidak pernah mengenal jemu ini telah berjaya mencatat pelbagai kejayaan gemilang. Kesinambungan usaha tersebut masih diteruskan oleh para ilmuwan masa kini.

Bab satu dari buku ini dimulakan dengan pembicaraan berkaitan latar belakang bahasa Arab. Antara yang dibincangkan ialah latar belakang keluarga bahasa Semitik, ciri-ciri utama bahasa Arab dan kedudukan bahasa ini dari zaman dahulu hinggalah sekarang. Turut dibincangkan prinsip-prinsip kajian bahasa khususnya kajian-kajian makna atau semantik. Bidang-bidang kajian semantik dan kepentingannya juga dibincangkan dalam bab pertama ini.

Seterusnya perbincangan berkaitan kajian semantik yang lebih mengkhusus dalam bahasa Arab diperincikan lagi dalam bab yang kedua. Perbincangan dimulakan dengan menyorot sejarah kajian semantik dalam tamadun-tamadun manusia yang terdahulu seperti tamadun Yunani, tamadun Rom, tamadun Parsi, tamadun China, tamadun India dan tidak terkecuali tamadun Islam. Tokoh-tokoh ilmuwan penting berkaitan kajian makna dalam setiap tamadun ini dan sumbangan-sumbangan mereka turut dipaparkan dalam buku ini. Perbincangan yang lebih terfokus diberikan kepada kajian-kajian makna dalam tamadun Islam dan para ilmunya. Turut dimuatkan perbandingan antara teori-teori makna yang telah dikemukakan oleh para ilmuwan bahasa Arab pada zaman dahulu dengan teori-teori semantik moden masa kini.

Perbincangan dalam bab seterusnya dilanjutkan lagi dengan menyentuh pula persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kajian-kajian makna secara amali menerusi penulisan pelbagai jenis kamus bahasa Arab. Peringkat permulaan penghasilan kamus bahasa Arab hanyalah dalam bentuk lembaran-lembaran bahasa yang kecil saiznya dan juga mempunyai bilangan entri yang terhad. Lembaran-lembaran bahasa ini kebanyakannya menghadkan bilangan entrinya kepada topik-topik atau bidang-bidang tertentu sahaja seperti nama-nama haiwan, peralatan, benda, kelengkapan dan sebagainya. Al-Khalil Ibn Ahmad (185H) telah berjaya membuka jalan ke arah penghasilan kamus bahasa Arab yang lengkap. Hasilnya, ramai ilmuwan telah mengikut jejak langkah beliau dalam menghasilkan kamus-kamus bahasa Arab yang lebih lengkap dan tersusun.

Kesinambungan usaha para ilmuwan bahasa Arab dalam menambah baik kandungan kamus-kamus yang mengikut mazhab cetusan al-Khalil dibincangkan dengan panjang lebar dalam bab keempat. Antara mazhab-mazhab perkamusan yang boleh kita dapati selepas mazhab al-Khalil ialah mazhab Alifbaa'ii dengan kitaran, mazhab al-Qafiyah, mazhab Alifbaa'ii seperti kamus-kamus moden, mazhab sebutan huruf dan tidak ketinggalan kamus-kamus berdasarkan pengkhususan bidang tertentu.

Kamus-kamus penting dari setiap mazhab perkamusan bahasa Arab ini dibincangkan dengan teliti. Metode penulisan setiap kamus ini dan tujuan utama penulisannya juga diberi perhatian utama dalam membicarakan tentang kamus-kamus tersebut. Turut diberi perhatian utama kelebihan dan keunikan yang terdapat dalam setiap kamus ini serta contoh teknik pencarian entri bagi setiap kamus berdasarkan perbezaan metode penulisan bagi setiap kamus.

Selanjutnya dalam bab yang kelima, perbincangan difokuskan pula kepada penggunaan kamus-kamus Arab dalam proses pembelajaran bahasa. Perbincangan disesuaikan secara khusus berdasarkan kepada konteks dan keperluan proses pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang menjurus kepada proses pengajaran dan pembelajaran kepada bukan penutur jati bahasa Arab. Justeru, antara topik-topik penting yang dimuatkan dalam bab ini ialah kepentingan penggunaan kamus-kamus Arab dalam proses pembelajaran bahasa dan faedah-faedah yang boleh diperolehi oleh pelajar melalui pembudayaan penggunaan kamus-kamus Arab. Turut dibincangkan isu-isu berkaitan penggunaan kamus-kamus Arab terutama permasalahan yang dihadapi pelajar dalam menggunakan kamus-kamus Arab. Sebagai pelengkap, dikemukakan cadangan-cadangan berkaitan teknik-teknik terbaik dan termudah yang boleh diterapkan bagi membantu pelajar menggunakan kamus bahasa Arab dengan lebih berkesan.

Akhir sekali dalam bab yang keenam dimuatkan rumusan kepada topik-topik perbincangan dalam buku ini. Ia meliputi perbincangan tentang kajian semantik dan pecahannya. Antara pecahan tersebut ialah kajian dan proses penghasilan pelbagai jenis kamus bahasa. Turut dibincangkan dalam bab yang terakhir ini kepentingan penggunaan kamus dalam proses pembelajaran bahasa, khususnya bahasa-bahasa asing. Selain itu juga, para ilmuwan digesa untuk terus giat menghasilkan kamus-kamus bahasa yang bersesuaian dengan bidang pengkhususan ilmiah tertentu dan juga golongan sasaran pengguna yang tertentu.

Semoga perbincangan-perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya para pencinta bahasa al-Quran dalam usaha mereka memantapkan lagi pemahaman berkaitan elemen makna dalam bahasa yang indah ini.

Penulis:

*Muhammad Marwan Ismail
Wan Moharani Bin Mohammad
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia*

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya ditujukan kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Muda, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Jawatankuasa Penerbitan USIM, guru-guru, rakan-rakan yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam memberi idea, teguran, dan komen sehingga terhasilnya buku ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Unit Penerbitan USIM dan para pegawainya yang terlibat dalam proses penyusunan dan penyuntingan buku ini. Tidak dilupakan warga Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM dan para pelajar kami serta semua yang mencintai bahasa al-Quran.

PENDAHULUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Segala puji-pujian dipanjatkan kepada Allah SWT, Tuhan yang menciptakan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan sesiapa sahaja yang mengikut tunjuk ajar baginda ke hari akhirat.

Buku "Kajian Semantik dan Mu'jam 'Arabiy" bertujuan mengupas persoalan-persoalan berkaitan Mu'jam 'Arabiy dalam kajian semantik bahasa Arab yang telah bermula hampir 1500 tahun dahulu. Kajian-kajian ini telah berkembang dengan rancak dan ia meliputi kedua-dua cabang utamanya iaitu kajian semantik secara teori dan kajian semantik secara aplikasi.

Kajian semantik secara teori lazimnya akan menghasilkan pelbagai teori berkaitan makna seperti kaitan makna dengan lafaznya, proses penyampaian makna dan pemahamannya, perkembangan dan perubahan makna serta pelbagai persoalan yang berkaitan. Manakala kajian-kajian semantik secara aplikasi pula merujuk kepada proses menerapkan teori-teori makna tersebut dalam setiap perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Ia bertujuan untuk mendapatkan padanan makna yang tepat bagi setiap perbendaharaan kata tersebut. Seterusnya perbendaharaan kata tersebut disusun bersama-sama dengan padanan maknanya dalam sebuah buku yang lengkap berdasarkan kepada tertib dan kaedah susunan tertentu.

Linguistik moden meletakkan semantik pada peringkat kajian bahasa yang keempat. Ia merupakan peringkat terakhir dalam sesuatu kajian bahasa secara ilmiah. Kajian-kajian bahasa dalam linguistik dimulakan dengan kajian-kajian unsur bunyi atau fonologi (phonology). Seterusnya linguistik mengkaji pula unsur binaan perkataan dalam kajian-kajian morfologi (morphology). Peringkat kajian ketiga ialah kajian sintaksis (syntax) yang mengkaji struktur dan susunan perkataan dalam sesuatu ayat. Selanjutnya kajian bahasa dalam linguistik memasuki fasanya yang keempat iaitu kajian semantik.

Semantik merupakan satu bidang kajian yang penting dalam kajian-kajian linguistik. Malahan kajian semantik ini dianggap sebagai kemuncak kepada semua peringkat kajian bahasa yang bermula dengan unsur bunyi, binaan perkataan dan susun aturnya dalam ayat. Kajian semantik seterusnya akan memainkan peranannya dalam menentukan makna daripada sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang telah menggabungkan semua unsur bahasa tadi iaitu bunyi, binaan perkataan dan susunannya dalam ayat. Semua ini dengan jelas menyerlahkan lagi kepentingan semantik dalam kajian-kajian bahasa secara am.

Idea asal penulisan buku ini timbul hasil kajian dan pengamatan penulis tentang perkembangan pesat kajian-kajian linguistik moden yang banyak dipelopori oleh ilmuwan Barat. Namun begitu, pada masa yang sama hasil kajian para ilmuwan terdahulu dalam tamadun Islam telah terlebih dahulu menghasilkan pelbagai kajian yang membanggakan,

khususnya dalam kajian semantik. Penghasilan pelbagai jenis kamus bahasa Arab dan keunikan metode penulisan setiap kamus ini serta kandungan maklumatnya yang begitu pelbagai amat menarik minat penulis.

Justeru, timbul keinginan untuk berkongsi maklumat dengan para pembaca tentang usaha-usaha para ilmuwan Muslim khususnya para ilmuwan tatabahasa Arab yang telah mendahului para ilmuwan linguistik moden hampir 1000 tahun dalam mengkaji elemen-elemen makna sama ada secara teori mahupun aplikasi. Selain itu, terdapatnya beberapa tanggapan yang kurang tepat antara hubung kait kajian semantik dengan penghasilan kamus. Ada yang beranggapan penghasilan kamus bahasa berbeza dengan kajian semantik yang lebih menjurus kepada kajian makna secara teori. Hal ini diperkuatkan lagi dengan wujudnya pelbagai buku dan bahan rujukan yang sering membincangkan kedua-dua perkara ini secara berasingan.

Maka timbullah hasrat penulis untuk menggabungkan kedua-dua elemen penting dalam kajian semantik ini dalam sebuah buku. Buku ini akan memperjelaskan tanggapan yang kurang tepat tentang kedua-dua jenis kajian semantik ini. Buku ini juga akan menunjukkan hubung kait yang kuat antara kajian semantik secara teori dan aplikasi yang berbentuk penghasilan kamus-kamus bahasa. Malahan sesuatu kajian semantik secara teori tidak akan lengkap tanpa diaplikasikan dalam bentuk penghasilan kamus-kamus bahasa. Ramai ilmuwan Islam terdahulu telah mengakui hubung kait ini sebelum ia diberi nafas baru oleh ilmuwan linguistik moden.

Kajian-kajian makna amat dititikberatkan oleh para ilmuwan Islam. Ramai ilmuwan telah mengemukakan pelbagai teori makna. Antara mereka ialah Ibn Jinni, al-Jurjani, Ibn Faris, al-Jawaliqi, al-Mubarrid dan lain-lain lagi. Para ilmuwan usul fiqh juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama mengkaji unsur makna ini. Antara para ilmuwan tersebut ialah imam al-Syafie, imam Hanafi dan Ibn Qayim al-Jauzy. Semenjak dari peringkat awal lagi para ilmuwan ini telah menyedari peri pentingnya kajian-kajian makna ini khususnya dalam mencari pemahaman yang tepat terhadap ayat-ayat suci al-Quran dan hadis-hadis Rasul (SAW). Justeru, pelbagai usaha yang amat jitu dan penuh dedikasi telah dicurahkan bagi mengkaji elemen-elemen makna dalam penggunaan bahasa.

Usaha para ilmuwan ini seterusnya digiatkan lagi oleh para ilmuwan lain yang lebih menumpukan usaha mereka kepada kajian-kajian makna secara aplikasi. Hasilnya, bahasa Arab memiliki pelbagai jenis kamus bahasa semenjak lebih 1200 tahun dahulu. Penghasilan kamus Arab yang hanya bermula dengan penghasilan lembaran-lembaran bahasa berkaitan lafaz-lafaz yang terdapat dalam al-Quran dan hadis nabi serta pelbagai hasil karya sastera Arab telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini bermula dengan terhasilnya kamus bahasa Arab yang pertama hasil kreativiti al-Khalil Ibn Ahmad dalam kamus al-Ain. Pelbagai lagi kamus bahasa Arab telah dihasilkan oleh para ilmuwan dengan mengikut metode penulisan kamus yang telah dicetuskan beliau.

Semenjak itu, pelbagai kamus bahasa Arab telah berjaya dihasilkan. Pelbagai usaha penambahbaikan juga telah dilakukan oleh para ilmuwan terhadap metode al-Khalil bagi menghasilkan kamus-kamus bahasa Arab terbaik. Bermula abad kelima Hijrah telah

menyaksikan persaingan sengit antara para ilmuwan dalam menghasilkan kamus-kamus bahasa Arab dengan kepelbagaian metode penulisannya. Hal ini dirancakkan lagi dengan penyertaan para ilmuwan bahasa Arab di kota Andalus dan sekitarnya yang seolah-olah mahu membuktikan kemampuan mereka untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan para ilmuwan di Baghdad, Mesir dan Syam.

Seterusnya usaha-usaha penghasilan kamus bahasa Arab ini telah diteruskan lagi pada zaman moden. Pelbagai kamus bahasa Arab yang difokuskan kepada golongan sasaran pengguna terutama para pelajar di pelbagai peringkat pengajian telah banyak dihasilkan. Penulisan kamus-kamus ini telah dimulai oleh para rahib Arab yang mengawal selia sekolah-sekolah di bawah naungan gereja-gereja Kristian yang banyak terdapat di Lubnan. Selepas itu, usaha-usaha tersebut dimantapkan lagi oleh para ilmuwan dan sarjana bahasa Arab yang menganggotai pusat-pusat bahasa Arab yang ditubuhkan di beberapa kota-kota besar negara-negara Arab.

Justeru, buku ini membicarakan tentang persoalan-persoalan utama berkaitan dengan kajian-kajian makna yang bermula daripada cetusan idea-idea awal ke arah kewujudannya sehinggalah kedudukannya dalam arus perkembangan pesat linguistik pada masa kini. Antara topik yang disentuh dalam buku ini ialah latar belakang bahasa Arab dan kajian-kajian bahasa yang berkaitan dengannya, seperti latar belakang keluarga bahasa Semitik, ciri-ciri utama bahasa Arab dan kedudukan bahasa ini dari zaman dahulu hinggalah sekarang. Turut dibincangkan prinsip-prinsip kajian bahasa khususnya kajian-kajian makna atau semantik. Bidang-bidang kajian semantik dan kepentingannya juga dibincangkan.

Seterusnya perbincangan berkaitan kajian semantik yang lebih mengkhusus kepada bahasa Arab diperincikan lagi dalam bab yang kedua. Perbincangan dimulakan dengan menyorot sejarah kajian semantik dalam tamadun-tamadun manusia yang terdahulu seperti Tamadun Yunani, Tamadun Rom, Tamadun Parsi, Tamadun China, Tamadun India dan tidak terkecuali Tamadun Islam. Tokoh-tokoh ilmuwan penting berkaitan kajian makna dalam setiap tamadun manusia ini dan sumbangan-sumbangan mereka turut dipaparkan. Perbincangan yang lebih terfokus diberikan kepada kajian-kajian makna dalam tamadun Islam dan sumbangan para ilmuwannya. Turut dimuatkan perbandingan antara teori-teori makna yang telah dikemukakan oleh para ilmuwan bahasa Arab pada zaman dahulu dengan teori-teori semantik moden masa kini.

Perbincangan-perbincangan dalam buku ini juga menyentuh persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kajian-kajian makna secara amali menerusi penulisan pelbagai jenis kamus bahasa Arab. Peringkat permulaan penghasilan kamus bahasa Arab hanyalah dalam bentuk lembaran-lembaran bahasa yang bukan hanya kecil saiznya malahan terhad bilangan entrinya. Lembaran-lembaran bahasa ini kebanyakannya menghadkan bilangan entrinya kepada topik-topik atau bidang-bidang tertentu sahaja seperti lafaz-lafaz al-Quran, hadis-hadis Nabi, karya sastera Arab, nama-nama haiwan, peralatan, benda, kelengkapan dan sebagainya. Namun begitu, ilmuwan ulung al-Khalil Ibn Ahmad (185 H) telah berjaya membuka jalan ke arah penghasilan kamus bahasa Arab yang lengkap. Hasilnya, ramai ilmuwan telah mengikut jejak beliau dalam menghasilkan kamus-kamus bahasa Arab yang lebih lengkap dan tersusun.

Seterusnya dibincangkan pula kesinambungan usaha para ilmuwan bahasa Arab dalam menambah baik kandungan kamus-kamus yang mengikut mazhab cetusan al-Khalil. Hasil usaha para ilmuwan ini maka lahirlah pelbagai mazhab perkamusan bahasa Arab seperti kamus-kamus yang tergolong dalam mazhab Alifbaiyy dengan kitaran, mazhab al-Qafiyah, mazhab Alifbaiyy seperti kamus-kamus moden, mazhab sebutan huruf dan tidak ketinggalan kamus-kamus berdasarkan pengkhususan bidang tertentu.

Kamus-kamus penting dari setiap mazhab perkamusan bahasa Arab ini dibincangkan dengan teliti. Metode penulisan setiap kamus bahasa Arab ini dan tujuan utama penulisannya juga diberi perhatian utama semasa membicarakan tentang kamus-kamus tersebut. Turut diberi perhatian utama kelebihan dan keunikan yang terdapat dalam setiap kamus ini serta contoh teknik pencarian entri bagi setiap kamus berdasarkan perbezaan metode penulisannya.

Selanjutnya perbincangan difokuskan pula kepada penggunaan kamus-kamus Arab dalam proses pembelajaran bahasa. Perbincangan disesuaikan dengan konteks dan keperluan proses pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang menjurus kepada proses pengajaran dan pembelajaran kepada bukan penutur jati bahasa Arab. Justeru, antara topik-topik penting yang dimuatkan dalam bab ini ialah kepentingan penggunaan kamus-kamus Arab dalam proses pembelajaran bahasa dan faedah-faedah yang boleh diperoleh oleh pelajar melalui pembudayaan penggunaan kamus-kamus Arab. Turut dibincangkan isu-isu berkaitan penggunaan kamus-kamus Arab terutama permasalahan yang dihadapi pelajar dalam menggunakan kamus-kamus Arab. Sebagai pelengkap, dikemukakan cadangan-cadangan berkaitan teknik-teknik terbaik dan termudah yang boleh diterapkan bagi membantu pelajar menggunakan kamus bahasa Arab dengan lebih berkesan.

Rangkumannya, buku ini dibahagikan kepada enam bab seperti berikut:

- Bab Satu** : Pengenalan
- Bab Dua** : Kajian semantik dan bahasa Arab
- Bab Tiga** : Permulaan perkamusan bahasa Arab
- Bab Empat** : Perkembangan perkamusan bahasa Arab
- Bab Lima** : Penggunaan Kamus Arab dalam Pembelajaran Bahasa
- Bab Enam** : Penutup

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Abbas, Fadl Hassan. 1997. *al-Balaghah: Fununuha wa Afnanuha*. Amman: Dar al-Furqan

Abd al-Salam, Ahmad Sheikh. 2000. *Madkhal Islami ila al-lughawiyat al-[°]ammah*. Kuala Lumpur: Markaz al-bahs al-Jami[°]ah al-Islamiyyah al-[°]Alamiyyah bi Maliziya.

Abd al-Tawwab, Ramadan. 1992. *al-Madkhal ila [°]ilm al-Lughah wa manahij al-bahs al-lughawi*. Kaherah: Maktabah al-Khanji.

Abu al-Faraj, Muhammad Ahmad. 1966. *al-Ma[°]ajim al-Lughawiyah fi Daw'I [°]Ilm al-Lughah al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-[°]Arabiyyah.

Abu Zahrah, Muhammad. 1999. *Usul al-Fiqh*. Amman: Dar al-Risalah.

Al- Sa[°]ran, Mahmoud. 1995. *[°]Ilm al-Lughah*. Kaherah: [°]Alam al-Kutub.

Al- Syidyaq, Ahmad Faris. 1988. *al-Jasus [°]ala al-Qamus*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.

Al- Zamakhsyari, Jar Allah Mahmoud bin Mukhtar. 2004. *Asas al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Azhari, Abi Mansur Muhammad. 1975. *Tahzib al-Lughah*. Kaherah: Kaherah: al-Haiah al-Masriyah al-[°]Ammah li al-Kuttub.

Al-Boustany, Butrous Bolius. 1987. *Muhit al-Muhit*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Al-[°]Ayed Ahmad et. all. 1999. *al-Mu[°]jam al-[°]Arabiyy al-Asasi*. Tunisia: Larousse.

Al-Dalimi, Taha ali Hussein & al-Wa'ily, Saad Abdul Karim. 2005. *al-Lughah al-[°]Arabiyyah: Manahijuha wa Taraik Tadrishiha*. Amman: Dar al-Syuruq.

Al-Dzahabi, Muhammad bin Ahmad. 1993. *al-A[°]lam bi Wafayat al-A[°]lam*. Dubai: Markaz Jam[°]iyah Majid.

Al-Fairuzabady, Majd al-Din Muhammad bin Ya'kub. 2000. *al-Qamus al-Muhitd*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-[°]Arabiyy.

Al-Jauhary, Ismail bin Hamad. 1999. *Taj al-Lughah wa Sihah al-[°]Arabiyyah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-[°]Arabiyy.

Al-Jauziyah, Ibn Qayyim. 1995. *Flam al-Muwaqqi[°]in*. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.

- Al-Jurjani, Abdul Qaher. 1996. *Dalail al-Fjaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cAlamiyah
- Al-Jurjani, Abdul Qaher. 1997. *Asrar al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cAlamiyah
- Al-Khalil Ibn Ahmad. 2001. *Kitab al-^cAin*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-^cArabiy.
- Al-Khalil Ibn Ahmad. 2003. *Kitab al-^cAin (^cala Tartib Huruf al-Ma^cajim)* Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Al-Khuli, Muhammad ^cAli. 2001. *^cIlm al-Dilalah*. Amman: Dar al-Falah.
- Al-Ma^cluf, Louis Nichola. 1987. *al-Munjid fi al-Lughah wa al-Flam*. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Al-Madhi, Syukri Aziz. 1986. *Fi Nazariah al-Adab*. Amman : Dar al-Hadasah
- Al-Nahlawi, Abd al-Rahman. 2001. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Al-Najar, Zaghlul Raghrib. 1995. *Azmah al-Ta^clim al-Mu^casir wa Hululuha al-Islamiyyah*. Riyadh: Al-Dar al-^calamiyyah
- Al-Rajihi, ^cAbduh. 1986. *al-Nahw al-^carabiyy wa al-dars al-hadith: bahs fi al-manhaj*. Beirut: Dar al-Nahdah al-^cArabiyyah.
- Al-Rikabi, Jawdat. 1996. *Turuq Tadris al-Lughah al-^cArabiyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Samiraiy, Fadil Hassan. 2000. *Ma^cani al-nahw*. Amman:Dar al-Fikr.
- Al-Sayyid, Abd al-Hamid Mustafa & al-Najar, Latifah. 1997. *Fi al-Nahw al-^cArabiyy*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Syafie, Muhammad Idris. 1997. *al-Risalah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Al-Zubaidy, Muhammad Murtadha al-Huseiny. 1994. *Taj al-^cArus min Jawahir al-Qamus*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Anis, Ibrahim 1999. *al-Aswat al-^carabiyyah*. Kaherah:Maktabah al-Anjelo al-Masriyyah
- Basyer, Kamal. 1991. *Dirasat fi ^cIlm al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Ma^carif.
- Beeton, A.F.L.1970. *The Arabic Language Today*. Ed.1. Hutchinson University Library
- Central Intelligence Agency. 2007. *The world factbook 2007*. Washington: United States.
- Cole, P & J, Morgan. 1992. *Syntax and Semantics*. New York: Academic Press.
- Cruse, D.A. 1989. *Lexical Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.

- David Crystal. 1992. *Introducing Linguistics*. Middlesex, England: Penguin English.
- _____. 1995. *What is linguistics?*. London: Edward Arnold.
- _____. 1997. *The Cambridge Encyclopaedia of Language*. London: Cambridge University Press.
- Elias, Antwan Elias & Elias, Edward. 1979. *Qamus Ilyas al-^oAsry*. 13th edition. Dar Elias al-^oAsriyyah: Kaherah, Mesir.
- F. De Saussure. 1995. *Course in General Linguistics*. Translated by Roy Harris. 4th edition. Duckworth.
- Geoffrey Sampson 1980. *School of linguistics*. Stanford, California: Stanford University Press.
- Gruber, J.S. 1996. *Lexical Structure in Syntax and Semantics*. Amsterdam: North Holland.
- Hartmann, R.R.K. 1983. *Lexicography: Principles and Practice*. Florida: Academic Press.
- Hiblus, Muhammad Yusuf. 1994. *Min Usus ^oilm al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Hijazi, Mahmud Fahmi. 1997. *Madkhal ila ^oIlm al-Lugah*. Kaherah: Dar al-Quba'.
- Ibn al-Jinni, Abu al-Fath Usman (392H). 1997. *Al-Khosoish*. Beirut: Dar al-Kutub al-^oIlmiyah.
- Ibn al-Mandzur, Abu al-Fadhl Jamal al-Din (711H). 1996. *Lisan al-^oArab*. Beirut: Dar al-Fikr al-^oArabiyy.
- Ibn al-Nadim. 1996. *al-Fahrasat*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^oAraby.
- Ibn Durayd. 1985. *al-Jamharah fi al-Lughah*. Haydarabad: Da'irat al-Ma^oarif al-Uthmaniyah.
- Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakaria. 1986. *Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-^oArabiyyah.
- _____. 1997. *al-Sohibi fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-Kutub al-^oIlmiyah.
- _____. 2001. *al-Mujmal*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^oArabiyy.
- Ismail, ^oIzz al-Din. 1996. *al-Masadir al-Adabiyyah wa al-Lughawiyah fi al-Turath al-^oArabiyy*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-^oArabiyyah.

- Kara'in, Ahmad Naim. 1993. *Ilm al-Dilalah bayna al-NadZR wa al-Tatbiq*. Beirut: Muassasat al-Jam'iyah.
- Katz, J.J. & Fodor J.A. 1991. *The Structure of Semantic Theory*. Singapore: Prentice Hall.
- Kempson, R. 1997. *Semantic Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Khalil, Helmi. 1985. *al-Kalimah: Dirasah Lughawiyah Mu'jamiyah*. Kaherah: al-Haiah al-Masriyah al-'Ammah li al-Kuttab.
- Khalil, Helmi. 1998. *Dirasat fi al-Lugah wa al-Ma'ajim*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyah.
- Kimball, J. 1995. *Syntax and Semantics*. London: Longman.
- Lyons, J. 1987. *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, J. 1991. *Language, Meaning and Context*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marzita Abdullah. *Bahasa Arab Kini Atasi Bahasa Inggeris*. Utusan Malaysia 19 September 2006.
- Muhammad Marwan Ismail. 2004. *Uslub al-tawkid baina al-turath al-nahw al-'araby wa al-nahw al-taulidi al-tahwili*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: UIAM (tidak diterbitkan).
- Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. 2008. *Kajian Tatabahasa Arab: Dahulu dan Sekarang*. Nilai: Penerbitan USIM.
- Mustapa, Ibrahim et.all. 1999. *al-Mu'jam al-wasit*. Istanbul Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- N. Chomsky. 1965. *Aspects of the theory of syntax*. Cambridge, Massachusetts: The M.I.T Press.
- _____. 1972. *Language and mind*. Enlarged Edition. USA: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- _____. 1980. *Studies on semantics in generative grammar*. 2nd edition. The Hague Netherlands: Motion Publisher.
- _____. 1988. *Syntactic structure*. 3rd edition. The Hague Netherlands: Motion Publisher.

- Nassr, Hussein. 1988. *al-Muʿjam al-ʿArabiy: Nashatuhu wa Tatawuruhu*. Kaherah: Dar al-Misri.
- Nida, E. 1995. *Componential Analysis of Meaning*. The Hague: Mouton.
- Sibawayh, Abu Basyar Amru Bin Usman (180H). 1999. *al-Kitab*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿAlamiyah.
- Stowell, Tim & Wehrli, Eric. 1992. *Syntax and Semantics*. Carlifonia: Academic Press.
- Syahin, Taufik Muhammad. 1980. *ʿIlm al-Lughah al-ʿAm*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Umar, Ahmad Mukhtar. 1992. *ʿIlm al-Dilalah*. Kaherah: ʿAlam al-Kutub.
- Wan Moharani Mohammad, Badrul Munir Muhammad Nur, Radziah Ismail, Nabilah Yusof, Nazifah Mat Shaid & Afizzjah Artini Jusoh. 2005. *Kesukaran Pelajar Berinteraksi dengan al-Maʿajim al-ʿArabiyah dan Cara-cara Mengatasinya*. Laporan Penyelidikan. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia (tidak diterbitkan)
- Yaʿqub, Imil. 1985. *al-Muʿjam al-Lughawiyah al-ʿArabiyah*. Beirut: Dar al-ʿIlm li al-Malayin.

KAJIAN SEMANTIK DAN MU^cJAM^c ARABIY

Buku "Kajian Semantik dan Mu^cjam^c 'Arabiy" berusaha untuk memaparkan dan mengulas persoalan-persoalan berkaitan kajian makna dalam bahasa Arab. Kajian ini dipelopori oleh ilmuwan Islam semenjak 1500 tahun dahulu yang meliputi kajian makna secara teori dan aplikasi menerusi penghasilan pelbagai jenis kamus bahasa Arab. Usaha yang tidak pernah mengenal jemu ini telah berjaya mencatat pelbagai kejayaan gemilang. Antara yang dibincangkan dalam buku ini ialah prinsip-prinsip kajian makna atau semantik dan kepentingannya. Turut dipaparkan sejarah kajian semantik dalam tamadun terdahulu seperti tamadun Yunan, tamadun Rom, tamadun Parsi, tamadun China, tamadun India dan tidak terkecuali tamadun Islam sehinggalah kepada kajian semantik pada zaman moden. Kajian-kajian makna secara amali menerusi penulisan pelbagai jenis kamus bahasa Arab juga dibincangkan dalam buku ini. Perbincangan juga difokuskan kepada penggunaan kamus-kamus Arab dalam proses pembelajaran bahasa, khususnya dalam konteks dan keperluan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang menjurus kepada proses pengajaran dan pembelajaran kepada bukan penutur jati bahasa Arab. Sebagai pelengkap, dikemukakan cadangan-cadangan berkaitan teknik-teknik terbaik dan termudah yang boleh diterapkan bagi membantu pelajar menggunakan kamus bahasa Arab dengan lebih berkesan.

ISBN 978-983-5295-09-6



9 789835 295096